

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 HULU KELANG)**

**TAJUK : STATUS TERKINI TAPAK PEMINDAHAN BARU PENIAGA SUSUR UKAY
PERDANA**

101. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Pegawai Daerah Gombak telah menghantar cadangan pelan tanah yang telah diluluskan kepada MPAJ. YDP MPAJ mengatakan mereka akan berusaha untuk mencari dana. Adakah kerajaan Negeri akan membantu mengeluarkan perbelanjaan bagi pembinaan kedai ganti berkenaan?

JAWAPAN:

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 HULU KELANG)**

TAJUK : MENAIKTARAF MEDAN SELERA AU2C DAN MELAWATI BANDAR

102. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Pihak MPAJ telah mengesahkan telah menerima permintaan daripada Menteri Hal Ehwal Ekonomi berkenaan cadangan menaiktaraf dua medan selera tersebut. Bilakah pelaksanaan projek tersebut akan bermula dan dijangka selesai?

JAWAPAN:

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 HULU KELANG)**

TAJUK : MERCU TANDA KOMUNITI INDIA MUSLIM

103. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Delegasi masyarakat India Muslim telah bertemu dengan Dato Menteri Besar pada tahun 2013 dan memohon sebidang tanah di Selangor untuk didirikan sebuah dewan serbaguna serta bantuan geran tahunan dan dana sokongan. Apakah status permohonan tersebut?

JAWAPAN:

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 HULU KELANG)**

**TAJUK : TINDAKAN JABATAN KASTAM SELANGOR MENARIK BALIK NOTIS
BAYARAN CUKAI DARIPADA CARLSBERG**

104. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Tindakan Kerajaan Persekutuan tidak dipertanggungjawabkan ke atas Kerajaan Negeri. Namun apabila dilaporkan dalam The Edge bahawa Jabatan Kastam Selangor telah membatalkan notis tuntutan cukai berjumlah RM20.65 juta, ia telah menimbulkan persepsi negatif terhadap Kerajaan Selangor. Sila beri pencerahan.

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, keputusan penarikan balik notis tuntutan cukai (BOD) Syarikat Carlsberg Brewery Malaysia Berhad telah dikeluarkan pada 3 Feb. 2020 oleh pihak Ibu Pejabat Kastam Diraja Malaysia, Putrajaya dan bukan oleh Jabatan Kastam Selangor. Jabatan Kastam ingin menegaskan bahawa laporan yang disiarkan oleh The Edge adalah tidak tepat.

Ingin ditegaskan bahawa tindakan membatalkan notis tuntutan ke atas Carlsberg Brewery Malaysia Berhad adalah di atas sebab-sebab perundangan. Melalui sebuah kes yang dibicarakan di Mahkamah Tinggi KL bagi isu yang sama, Mahkamah Tinggi telah memutuskan bahawa tuntutan Cukai Jualan oleh pihak Kastam adalah tidak berasas dan keputusan telah menyebelahi pihak syarikat. Mahkamah Rayuan kemudiannya telah mengekalkan keputusan Mahkamah Tinggi ini.

Berasaskan keputusan kes tersebut, Bahagian Perundangan Jabatan Kastam Ditaja Malaysia telah memutuskan untuk menarik balik tuntutan cukai jualan terhadap Carlsberg Brewery Malaysia Berhad.

Dakwaan oleh pihak The Edge bahawa Jabatan Kastam Selangor yang membatalkan BOD ke atas Carlsberg Brewery Malaysia Berhad adalah tidak benar memandangkan kuantum / amaun yang dibatalkan adalah melebihi kuasa yang diperuntukkan untuk pentadbiran Kastam sesebuah Negeri.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 HULU KELANG)**

**TAJUK : TINDAKAN PENGUATKUASAAN TERHADAP PIHAK YANG MENCEMAR
SUMBER AIR**

105. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan jumlah kompaun dan tindakan penguatkuasaan yang telah dikenakan sepanjang tahun 2019 terhadap pihak yang melepaskan sisa kimia dan bahan pencemaran terhadap sumber air di Selangor.

JAWAPAN:

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 HULU KELANG)**

TAJUK : PENYAKIT KENCING TIKUS

106. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Senaraikan kes-kes yang berlaku di seluruh Selangor.

JAWAPAN:

a) Kes-kes penyakit akibat terdedah kepada kencing tikus yang dinotifikasi dan didaftarkan berlaku di Selangor ialah seperti berikut ;

**Kes Penyakit Kencing Tikus Mengikut Daerah Di Selangor
2019 & 2020 (ME 1 – ME 9)**

DAERAH	BILANGAN KES 2019	KEMATIAN (DISAHKAN)	BILANGAN KES 2020 (ME 1-ME 9)	KEMATIAN (DISAHKAN)
Petaling	178	1	21	0
Klang	46	0	14	0
Hulu Langat	227	0	19	0
Gombak	78	0	13	0
Sepang	36	0	6	0
Sabak Bernam	10	0	0	0
Kuala Langat	34	0	6	0
Hulu Selangor	20	0	3	0
Kuala Selangor	36	0	6	0
Jumlah	665	1	88	0

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 HULU KELANG)**

TAJUK : CORONAVIRUS

107. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Senaraikan kes-kes yang sudah ada tanda-tanda awalnya di Selangor.

JAWAPAN:

a) Sehingga 04 Mac 2020 (jam 4.00 petang) sebanyak 27 kes positif Coronavirus (Covid-19) telah didaftarkan di Negeri Selangor.

Tanda-tanda gejala COVID-19 di Selangor;

- Demam
- Batuk
- Selsema
- Sesak nafas

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 HULU KELANG)**

TAJUK : RAWATAN HERBA SECARA TRADISI

108. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Terdapat amalan rawatan herba secara warisan yang mempunyai testimoni kejayaan. Namun terputusnya waris yang mengamalkannya menyebabkan pengetahuan tentangnya juga hilang. Apakah rancangan kerajaan dalam membantu industri kecil ini dengan ujian, penyelidikan, bantuan kewangan dan pemasaran?

JAWAPAN:

- a) Rawatan dan ubat-ubatan herba tertakluk kepada peraturan Kementerian Kesihatan. Ubat-ubatan herba perlu menjalani ujian klinikal dan mendapat kelulusan Kementerian Kesihatan sebelum dipasarkan. Bagi membangunkan industry herba untuk pengeluaran, ujian dan pemasaran, Jabatan Pertanian menyediakan bantuan di bawah program pembangunan industri herba dan rempah ratus. Selain daripada itu, Kementerian Pertanian melalui Pejabat Pembangunan Herba (HDO) menyediakan geran bagi membantu penyelidikan herba mengikut kluster penyelidikan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 HULU KELANG)**

TAJUK : KES KEKASARAN MELIBATKAN PENGUATKUASA PBT

109. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan kes-kes kekasaran yang melibatkan penguatkuasa PBT dengan orang awam mengikut PBT sepanjang tahun 2018 dan 2019. Apakah perancangan PBT dalam menghadapi kes-kes sedemikian dan mengelakkan daripada kejadian yang tidak diingini berlaku?

JAWAPAN:

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 HULU KELANG)**

TAJUK : HERBA KUNYIT HITAM

110. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) MARDI telah membuat penyelidikan dan mengeluarkan produk kapsul herba tersebut. Terbukti khasiatnya mujarab namun harganya juga tinggi. Adakah kerajaan bercadang untuk membantu penanaman kunyit hitam secara komersial bagi menambah pendapatan rakyat?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri bersedia membantu penanaman kunyit hitam ini. Jabatan Pertanian menyediakan peruntukan sebanyak RM400,000.00 setahun bagi membangunkan industri herba dan rempah ratus yang boleh membantu membangunkan industri ini secara komersil.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR
(N42 MERU)**

TAJUK : PROJEK KECIL MARRIS UNTUK KONTRAKTOR G1 DALAM DUN

111. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah pihak Kerajaan Negeri berhasrat untuk menetapkan agar satu peratusan tertentu peruntukan MARRIS ADN di bawah pihak PBT untuk syarikat-syarikat kecil G1 dalam di DUN itu sahaja?

JAWAPAN:

- a) Peraturan dan tatacara perolehan Kerajaan telah menetapkan bagi perolehan kerja sama ada kategori bangunan/awam/mekanikal / elektrik yang tidak melebihi RM200 ribu hendaklah dipelawa di kalangan **kontraktor tempatan/daerah gred G1** yang berdaftar dengan CIDB dan mempunyai Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) mengikut kategori dan pengkhususan yang berkenaan.

Oleh yang demikian, kawasan operasi bagi kontraktor G1 adalah dalam kawasan pentadbiran atau wilayah yang didaftarkan dan tidak hanya tertumpu kepada kawasan DUN. Perincian kawasan operasi mengikut gred, kawasan operasi dan jenis tatacara perolehan adalah seperti jadual berikut:

JENIS PEROLEHAN	KAWASAN OPERASI	GREDE
Tender	Di seluruh Negara	a) Gred G7, G6, G5 dan G4 b) Gred G3 (Taraf Bumiputera)
	Di Negeri berdaftar	Gred G3
Sebutharga	Di Daerah didaftarkan	Gred G1
	Di Negeri berdaftar	Gred G2
Kerja Undi & Requisition	Di Daerah didaftarkan	Gred G1

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR
(N42 MERU)**

TAJUK : KEBAJIKAN M40 BANDAR

112. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah tindakan Kerajaan Negeri untuk membantu golongan M40 yang turut tertekan dengan keadaan ekonomi sekarang ini?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri Selangor merupakan suatu pentadbiran yang bertanggungjawab, *a responsible government*. Impian rakyat Malaysia adalah untuk melihat Kerajaan berjaya membela nasib rakyat.

Belajawan tahun lalu memperkenalkan Penjajaran Semula Inisiatif Peduli Rakyat (IPR) yang mana berkongsi kemakmuran bukan bererti menyamaratakan nikmat dan hasil yang diperolehi tetapi haruslah memastikan agihan sampai ke sasaran yang layak. Keadilan bukan sekadar melaksanakan *populist policies* tetapi membantu mereka yang selayaknya.

Buat masa ini semua Program IPR dijangarkan bagi meneruskan pemberian bantuan Kerajaan Negeri secara lebih holistik yang tidak hanya menyajikan pemberian bantuan kebajikan dan simpati semata-mata tetapi memberi daya melalui pemerksaan kepada penerima manfaat IPR Selangor yang memberi fokus kepada golongan B40.

Penjajaran Inisiatif Peduli Rakyat (IPR) mengambil kira dan bertumpu kepada perkara yang berikut :

- i) Penekanan konsep daripada pemberian kepada pengupayaan (*empowerment*);
- ii) Penekanan kepada program-program kesedaran; dan
- iii) Fokus kepada kumpulan sasar yang tepat.

Selain daripada program IPR, terdapat pelbagai program sedia ada di bawah Kerajaan Negeri Selangor yang dapat membantu menjana pendapatan rakyat dalam sektor usahawan, pertanian dan juga pendidikan yang boleh dimohon oleh golongan M40. Program-program penjanaaan pendapatan rakyat ini adalah

ditawarkan kepada pemohon yang layak dan memenuhi kriteria yang telah ditetapkan oleh setiap program bantuan tersebut.

Pengecualian Fi Lesen Penjaja merupakan salah satu inisiatif yang diberikan kepada peniaga kecil dan penjaja di kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi membantu kumpulan tersebut menambah baik ekonomi mereka dan meringankan beban kewangan peniaga-peniaga kecil sekaligus membantu mengurangkan beban mereka sedia ada.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR
(N42 MERU)**

**TAJUK : SUBSIDI PEMBELIAN SUSU FORMULA DAN LAMPIN BAYI KEPADA
GOLONGAN B40 YANG SUSAH**

113. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri berhasrat untuk mewujudkan satu skim subsidi harga bagi keluarga B40 yang susah untuk membeli subsidi susu formula dan lampin bayi yang semakin mahal sekarang ini?

JAWAPAN:

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR
(N42 MERU)**

TAJUK : TABUNG AMANAH DUN MERU

114. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah bilangan tabung Amanah yang dikendalikan oleh Pejabat Daerah dan Tanah Klang dan berapakah jumlah bagi setiap tabung Amanah itu?
- b) Apakah senarai projek yang telah dilaksanakan di bawah pembiayaan tabung Amanah mengikut setiap kategori sejak 5 tahun yang lepas?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman bersama, terdapat 2 Tabung Amanah iaitu Akaun Amanah Perkuburan dan Akaun Amanah Infrastruktur Sosial yang dikawal selia oleh pihak Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) dan Dato' SUK sebagai Pegawai Pengawal yang meluluskan peruntukan.
- b) Projek-projek yang telah dilaksanakan di bawah pembiayaan Tabung Akaun Amanah Kubur dan Tabung Akaun Amanah Infrastruktur Sosial adalah seperti berikut:

- (i) Akaun Amanah Perkuburan

BIL.	TAHUN	JUMLAH PROJEK
1.	2015	2
2.	2016	9
3.	2017	5
4.	2018	10
5.	2019	4

- (ii) Akaun Amanah Infrastruktur Sosial

BIL.	TAHUN	JUMLAH PROJEK
1.	2015	1
2.	2016	18
3.	2017	-
4.	2018	5
5.	2019	30

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR
(N42 MERU)**

TAJUK : PERPUSTAKAAN AWAM DI DUN MERU

115. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah bilangan perpustakaan awam desa yang ada di DUN Meru?
- b) Adakah Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor mempunyai perancangan untuk membina satu bangunan perpustakaan sendiri di DUN Meru?

JAWAPAN:

- a) Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS) mempunyai sebuah perpustakaan awam desa di DUN MERU iaitu :-
 - i. Perpustakaan Desa Meru, Klang
- b) Pihak Perpustakaan Awam Selangor masih belum mempunyai perancangan untuk membina bangunan perpustakaan sendiri di DUN Meru, walaubagaimanapun pihak perpustakaan sangat mengalu-alukan, sekiranya Ahli-ahli Yang Berhormat mempunyai cadangan untuk mendirikan perpustakaan di kawasan yang bersesuaian.

Bagi permohonan perpustakaan baharu, syarat-syarat permohonan adalah seperti berikut:-

- i. Sekiranya perpustakaan itu dibina di atas tanah, maka status tanah mestilah jelas dan boleh diwartakan atas nama PPAS.
- ii. Sekiranya perpustakaan itu diwujudkan di dalam bangunan sedia ada, premis
- iii. perpustakaan tersebut perlu diserahkan kepada pihak pengurusan PPAS.

PPAS mengambil pendekatan untuk memberi keutamaan bagi pewujudan perpustakaan seperti berikut:-

- i. Kawasan yang mempunyai populasi penduduk yang tinggi.
- ii. Kawasan B40 yang memberi tumpuan kepada masyarakat dalam kumpulan isi rumah terendah.

- iii. Kawasan yang mempunyai kemudahan awam mudah akses untuk masyarakat seperti sekolah, Institut Pengajian Tinggi, Klinik, Hospital, Pusat Komuniti , Masjid dan Taman rekreasi.

PPAS juga menggunakan standard keluasan dan populasi penduduk bagi kategori perpustakaan yang dikeluarkan oleh Perpustakaan Negara Malaysia, yang boleh digunakan sebagai panduan untuk memohon perpustakaan.

BIL	JENIS PERPUSTAKAAN	CADANGAN KELUASAN		POPULASI PENDUDUK
		MPS	KPS	ORANG
1.	Perpustakaan Negeri	11,152	120,000	500,001 ke atas
2.	Perpustakaan Daerah	5,576	60,000	100,001-500,000
3.	Perpustakaan Cawangan	2,137	23,000	50,001-100,000
4.	Perpustakaan Pekan/Komuniti A (Bangunan)	1,394	15,000	10,001-50,000
	Perpustakaan Pekan/Komuniti A (Rumah Kedai)	139-465	1,500 – 5,000	7,001-10,000
	Perpustakaan Pekan/Komuniti A (Pusat Beli Belah)	112-139	1,204 - 1,500	1,000-7,000
5.	Perpustakaan Desa A	139	1,500	3,001-7,000
	Perpustakaan Desa B	121	1,300	1,001-3,000
	Perpustakaan Desa C	93	1,000	300-1,000

Sumber Rujukan:

Garis Panduan Standard Ruang Lantai Perpustakaan Awam Tahun 2015 oleh Perpustakaan Negara Malaysia

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR
(N42 MERU)**

**TAJUK : EDARAN WHATSAPP MENDAHULUI PEKELILING DAN TAKLIMAT
KEPADA PEGAWAI-PEGAWAI PUSAT KHIDMAT DUN**

116. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah SOP Kerajaan Negeri selepas melancarkan sesuatu skim IPR yang baru, edaran Whatsapp lebih mendahului berbanding dengan pekeliling rasmi dan taklimat kepada pegawai-pegawai PKM?

JAWAPAN:

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR
(N42 MERU)**

TAJUK : BANTUAN KISS UNTUK PEGAWAI DI PUSAT KHIDMAT DUN

117. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk memberikan Kad Kiss kepada semua kakitangan PKM yang bergaji di bawah paras kemiskinan dan turut sama terkesan dengan tekanan ekonomi?

JAWAPAN:

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN
(N15 TAMAN TEMPLER)**

TAJUK : PEMBANGUNAN PELANCONGAN

118. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah usaha Kerajaan Negeri dalam mempromosikan industri pelancongan negeri?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri melalui Tourism Selangor telah bersedia melalui usaha perancangan strategik promosi pelancongan bagi meningkatkan industri pelancongan Negeri seperti yang berikut:
- I. Meningkatkan Penyertaan Siri Promosi Pelancongan Dalam dan Luar Negara;
 - II. Penganjuran Program FAM Trip Yang Lebih 'Market-Focused';
 - III. Penganjuran Acara Pelancongan Bertaraf Antarabangsa di Negeri Selangor;
 - IV. Memperkasakan Kempen Promosi Pelancongan dan Pengiklanan Pelancongan Negeri melalui kempen pengiklanan billboard, digital dan online;
 - V. Memberi Penekanan Kepada Segmen Pelancongan Fokus seperti 'Medical Tourism', 'Education Tourism', 'Eco Tourism', 'Cruise Tourism' dan 'Sport Tourism';
 - VI. Menganjurkan program CSR (Corporate Social Responsibility) yang berkonsepkan 'Voluntourism';
 - VII. Penganjuran program promosi bagi pasaran domestik seperti MATTA Fair, MITA Fair, Program Squad Kembara Sekolah dan Jelajah Persona Selangor; dan
 - VIII. Penjenamaan Laman Sesawang pelancongan yang terbaru Negeri Selangor, iaitu www.selangor.travel

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN
(N15 TAMAN TEMPLER)**

TAJUK : LAMBAKAN PUSAT MEMBELI BELAH

119. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah langkah Kerajaan Negeri untuk membendung masalah lambakan pusat membeli belah ini?
- b) Bagaimanakah cara Kerajaan Negeri untuk menjadikan lambakan pusat membeli belah ini sebagai punca ekonomi sesebuah masyarakat?
- c) Apakah usaha yang akan dilakukan Kerajaan Negeri bagi mengatasi masalah ini agar tidak berterusan?

JAWAPAN:

- a) Pembangunan pusat membeli belah selari dengan kemajuan ekonomi, taraf hidup dan cara hidup masyarakat. Keperluan dan penyediaan pusat membeli belah mampu dikawal dengan menghadkan jumlah pembangunan dan komponen pembangunan melalui pemerkasaan gunatanah di dalam Dokumen Rancangan Pemajuan iaitu Rancangan Tempatan atau Rancangan Kawasan Khas dengan mengawal plot ratio dan keluasan zon perniagaan serta di peringkat PBT masing-masing.
- b) Lambakan pusat membeli belah ini boleh dijadikan sebagai punca ekonomi dengan membenarkan penggunaan gunasama ruang bagi tujuan sosial, aktiviti masyarakat, majlis keramaian atau tempat berkumpul masyarakat setempat dengan menepati Garis Panduan Dan Piawaian Negeri Selangor Edisi Ke 3 tertakluk semasa kelulusan lesen perniagaan oleh PBT. Walau bagaimanapun bagi tujuan pasaraya atau *hypermarket* dan seumpamanya peniaga dibawah pengusaha asing dikawal oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri , Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) sebelum memohon lesen daripada pihak PBT.
- c) Bagi memastikan tiada lambakan pusat membeli belah dan tidak menjejaskan sektor perniagaan sediada, KPDNKK berkenaan telah mensyaratkan suatu proses pandangan awam/ *townhall* diadakan terlebih dahulu oleh PBT bagi mendapatkan maklumbalas ke atas cadangan pasar raya seumpamanya sebelum KPDNKK

menimbanginya dengan merujuk kepada Manual Garis Panduan Dan Piawaian Negeri Selangor Edisi Ke 3.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN
(N15 TAMAN TEMPLER)**

TAJUK : PENCEMARAN SUNGAI

120. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah insentif oleh Kerajaan Negeri bagi mengatasi masalah pencemaran sungai dan longkang serta saliran di kawasan luar bandar?

JAWAPAN: